

Mahathir, Wan Azizah ucap tahniah Jokowi

■ KUALA LUMPUR 21 MEI

PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menzahirkan ucapan tahniah kepada Presiden Joko Widodo (Jokowi) yang memenangi Pilihan Raya Presiden (Pilpres) Indonesia 2019 untuk kekal memerintah negara itu bagi tempoh 2019-2024.

"Saya ucap tahniah kepada Bapak @jokowi atas kemenangan secara rasmi sebagai Presiden Republik Indonesia.

"Saya berharap kerjasama antara dua negara akan semakin erat selepas ini," kata Dr Mahathir menerusi catatan di laman rasmi Twitter beliau hari ini.

Komisi Pemilihan Umum (KPU) pada 1.46 pagi Selasa (waktu Indonesia Barat) mengumumkan keputusan Pilpres 2019, sehari lebih awal selepas proses pengiraan undi di 813,350 Tempat Pembuangan Suara atau pusat pengundian, selesai 11.30 malam, Isnin.

Pilpres 2019 diadakan pada 17 April lepas.



MAHATHIR MOHAMAD

Jokowi, 57, bersama pasangannya untuk jawatan naib presiden, Ma'ruf Amin, 76, memperoleh 85,607,362 undi, manakala pencabarnya, Prabowo Subianto, 67, dan pasangannya bagi jawatan naib presiden, Sandiaga Uno, 49, meraih 68,650,239 undi.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Jokowi kerana dipilih semula sebagai Presiden ke-



WAN AZIZAH WAN ISMAIL

lapan negara itu.

Beliau optimis, sebagai teman negara serumpun, hubungan antara Malaysia dan Indonesia akan terus diperkukuh di samping memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

"Saya mendoakan Joko Widodo dikurniakan kesihatan yang baik dan terus kental dalam menghadapi liku-liku mendatang sebagai seorang pemimpin," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.